

17/09/1999

PM lancar laman web, VCD mengenai Labuan

LABUAN, Khamis - Industri pelancongan Labuan hari ini mendapat suntikan baru apabila Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang dalam rangka lawatan dua hari ke sini, melancarkan dua buku dan sebuah video cakera padat (VCD) pelancongan serta laman web pulau ini.

Pelancaran itu disempurnakan serentak pada jamuan tengah hari di Dewan Konvensyen Ujana Kewangan di sini.

Buku Panduan Pelancongan dan Perniagaan Labuan disediakan Lembaga Pembangunan Labuan (LDA) manakala Layang-Layang: Drop In The Ocean ditulis Nicolas Pilcher, Steve Oakley dan Profesor Ghazally Ismail.

VCD pelancongan Labuan pula memaparkan tarikan dan destinasi di pulau ini, manakala laman web Labuan boleh dihubungi menerusi ww.Labuan-Malaysia.com.my.

Pengarah Pentadbiran Labuan, Datuk Muhammad Mohd Noor, dalam ucapannya pada pelancaran buku berkenaan berkata LDA komited untuk terus mempertingkatkan promosi pelancongan Labuan.

Ini, katanya, selaras hasrat Kerajaan Persekutuan mahu menjadikan Labuan pusat pelancongan terkenal dunia pada masa depan.

Beliau berkata industri pelancongan Labuan berpotensi membangun dan perangkaan menunjukkan sepanjang enam bulan pertama tahun ini 34,269 pelancong asing datang ke sini, berbanding 18,956 pada tempoh sama tahun lalu, iaitu peningkatan 44 peratus.

Pelancong domestik sepanjang enam bulan pertama tahun ini pula meningkat kepada 169,314 berbanding 150,380 pada tempoh sama tahun lalu, peningkatan 11.2 peratus.

(END)